

### A COMPARISON OF THE USE OF MARJŪḤ AND RĀJIḤ OPINIONS FROM THE VIEWPOINT OF ISLAMIC LAW

#### ANALISIS PENGGUNAAN PENDAPAT MARJŪḤ BERBANDING PENDAPAT RĀJIḤ MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Nik Airin Aqmar Nik Azhar<sup>1</sup>, Azri Bhari<sup>2</sup>, Mohd Faiz Mohamed Yusof<sup>3</sup> & Mohd Zuhaili Saiman<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Calon Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UITM), 2022546733@student.uitm.edu.my

<sup>2</sup> (*Corresponding author*) Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA(UITM). azrib178@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA(UITM). faizyusof@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UITM). mdzuhaili@uitm.edu.my

**Vol. 16. No. 1  
April Issue  
2023**

#### **Abstract**

*Marjūḥ's opinion is a topic that is often discussed between scholars and the community in jurisprudence. The objective evaluated in this study is to see the justification that is measured until the use of marjūḥ opinion becomes a priority by the authority. This qualitative study was carried out using data collection and data analysis methods. Data collection method is implemented through literature review. The data obtained will be analyzed through inductive, deductive and comparative methods to obtain the results of the study. The results of the study found that the authorities have a significant justification for using marjūḥ's opinion and following the conditions outlined by scholars, especially involving the interests of the people before issuing any fatwa. The changing times and the current situation also make the ijtihad tarjīhi approach applied to achieve the maqasid of sharia.*

Keywords: *Marjūḥ, Justification, Fatwa, Ijtihad, Tarjīhī.*

#### **Abstrak**

*Pendapat marjūḥ merupakan topik yang sering menjadi perbincangan antara sarjana dan masyarakat dalam pembendaharaan fiqh. Objektif yang dinilai dalam kajian ini untuk melihat justifikasi yang diukur sehingga penggunaan pendapat marjūḥ menjadi keutamaan oleh pihak berautoriti. Kajian ini telah menggunakan metode kualitatif untuk menilai pandangan ulama tentang penggunaan pendapat marjūḥ dalam amalan terutamanya dalam amalan berfatwa. Seterusnya syarat yang digariskan oleh ulama supaya tidak terlepas dari tuntutan syarak dan mendatangkan hujah yang menyokong dalam membenarkan pendapat marjūḥ ini diamalkan. Hasil kajian mendapati pihak berautoriti mempunyai justifikasi yang signifikan untuk menggunakan pendapat marjūḥ terutamanya melibatkan masalah umat sebelum mengeluarkan*

sebarang fatwa. Perubahan zaman dan situasi semasa yang berlaku juga menjadikan pendekatan *ijtihad tarjihi* diaplikasikan untuk mencapai *maqasid syariah*.

Kata kunci: *Pendapat Marjūh, Syarat, Justifikasi, Fatwa, Ijtihad Tarjihī.*

## PENDAHULUAN

Antara bentuk keluasan agama ini adalah adanya pendapat-pendapat yang sifatnya *ijtihādiyyah* sehingga seorang muslim boleh memilih pendapat mana yang menurutnya lebih kuat secara dalil mahupun pendalilan. Namun bagi orang awam yang tidak mampu menentukan pendapat mana yang paling kuat di antara ulama, hendaklah ia bertaqlid kepada salah satu ulama yang ia percayai dan tidak memilih mengikut keinginannya sahaja (Luqman Haji Abdullah & Nima Jihatea, 2007). Seorang muslim yang mempunyai pengetahuan jelas, hendaklah mendahulukan pendapat yang *rājih* baginya. Ia tidak boleh sengaja memilih pendapat yang menurutnya *marjūh* dan meninggalkan pendapat yang baginya *rājih*. Ibn Hajib dalam kitabnya *Muntaha al-Wusul Umar* (2015) dan Ibn Subki dalam kitabnya *Ḥāshiyah al-Banānī 'alā Maḥallī Tāj al-Dīn 'Abd al-Wahāb* (2014) menyebutkan:

{ويجب تقديم الراجح}

Maksudnya: “Wajib mendahulukan pendapat *rājih*”

Bagi penuntut ilmu yang mempunyai kelebihan dalam memahami pengajian kitab-kitab fiqh mazhab Syafie, turut menjadi persoalan sebagaimana kata-kata daripada Ibn Uthaimin (Muhammad, 2008):

*Ibn Uthaimin ditanya: “Apakah boleh seorang penuntut ilmu mengambil pendapat yang lemah dalam beberapa masalah sedangkan ia mengetahui pendapat yang kuat? Beliau menjawab: Tidak boleh baginya beramal dengan yang lemah, dan dia harus beramal dengan pendapat yang kuat, jika jelas baginya bahawa pendapat itu kuat.”*

Larangan ini tidak hanya dalam masalah amal, namun penekanan terhadap penggunaan pendapat *rājih* dalam pengeluaran fatwa juga turut ditekankan oleh Ibn Qayyim (Muhammad Abi Bakar, 2012):

*Ibn Qayyim berkata: “Hendaklah seorang pemberi fatwa yang takut akan kedudukannya di hadapan Allah untuk berhati-hati memberi fatwa kepada seorang penanya dengan fatwa dari madzhab yang ia ikuti, sementara ia mengetahui bahwa madzhab lain lebih kuat dalilnya dan lebih benar daripada madzhabnya dalam masalah itu. Ia berfatwa dalam keadaan punya persangkaan kuat bahwa yang benar adalah pendapat yang bertentangan dengan yang ia fatwakan, maka saat itu ia telah menjadi seorang pengkhianat yang mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan di hadapan penanya ia telah melakukan penipuan dalam urusan agama. Sedangkan Allah tidak akan memberi petunjuk kepada para pengkhianat.”*

Pernyataan di atas merujuk kepada keutamaan berpegang dengan pendapat *rājih* berbanding pendapat *marjūh* dalam beramal dan memberi fatwa. Namun perbincangan antara ulama mengenai pendapat *marjūh* turut menjadi pertimbangan untuk diaplikasikan zaman kini.

### **Definisi *Marjūh***

Menurut kamus Arab, perkataan *marjūh* merupakan *isim maf'ūl* daripada perkataan رَجَحَ *irjaha* يَرِجِحُ وَيَرْجُحُ وَيَرْجَحُ، رَجُوحًا وَرَجْحَانًا yang bermaksud mengatasi (mengatasi akal nya). Menurut ahli usul, *marjūh* merupakan dalil lemah berbanding dalil selainnya. Manakala menurut istilah, *marjūh* merupakan dalil yang lemah di dalam suatu pendapat dan berlawanan dengan pendapat jumbuh serta pendapat *rājiḥ*. Hal ini kerana pendapat *rājiḥ* mempunyai kriteria dalil yang kuat (Hamid, 2021). Sebahagian berpendapat harus dipisahkan antara perkataan *marjūh* dan *shādh* (Hamid, 2021). Hal ini kerana *shādh* membawa maksud pendapat yang bertentangan daripada sumber yang disepakati. Maka boleh disimpulkan *marjūh* merupakan dalil lemah yang tidak bertentangan dengan nas daripada kitab dan sunnah.

### **Klasifikasi Pendapat *Marjūh***

Pembahagian *marjūh* merupakan perbincangan kurang diberi perhatian, namun secara umumnya, menurut kajian Islam Ahmad (2016), terdapat tiga bentuk pendapat *marjūh*:

#### ***Da'if Nisbi***

Pendapat ini merupakan pendapat yang berlawanan dengan pendapat kuat, akan tetapi ia lemah dari sudut percanggahan antara ulama, bukan dari sudut luarannya. Hukum berfatwa dan beramal dengan pendapat ini adalah harus jika hakim dan mufti terdiri daripada ahli *tarjih*, maka beramal dengan pendapat yang dikeluarkan oleh mereka dibolehkan, adapun *muqallid* tidak harus beramal dengan pendapat lemah ini kecuali darurat. Sebahagian berpendapat harus mufti beramal dengan pendapat *da'if* untuk dirinya tanpa disebarkan kepada orang lain. Hal ini kerana situasi daruratnya berbeza dengan orang lain.

#### ***Da'if Madrak***

Pendapat ini merupakan pendapat yang bertentangan dengan dengan ijmak, *qawā'id*, nas dan qias *jālī*, natijahnya pendapat tersebut menghasilkan kualiti yang lemah bahkan bertentangan dengan perkara usul. Fuqaha berpendapat, tidak boleh beramal dengan pendapat ini kerana bertentangan dengan sumber asal yang harus diutamakan.

#### ***Pendapat Shādh***

Pendapat ini merupakan pendapat yang bertentangan daripada nas yang sahih dan ijmak. Sebahagian berpendapat pendapat ini tidak harus disebarkan dan diamalkan oleh masyarakat. Ibn Hazim menyebutkan pendapat *shādh* ini berlawanan dengan prinsip rujukan asas sebelum mengeluarkan hukum, Oleh itu, beliau berpendapat tidak harus berpegang dengan pendapat ini.

### **Pendapat Ulama Mengenai Pendapat *Marjūh***

Perubahan zaman dan masa merupakan salah satu faktor golongan mujtahid perlu berpindah kepada ijtihad semasa yang bersesuaian dengan *wāqi'*. Isu-isu yang bersifat kontemporari yang dihadapi masyarakat setempat memerlukan penilaian semula untuk berpindah dari pendapat *rājiḥ* kepada pendapat *marjūh*. Perbincangan mengenai pengaplikasian menggunakan pendapat *marjūh* ini telah diperbahaskan oleh sebahagian dari mazhab Maliki, Hanafi dan Syafie serta beberapa kajian lain (Abdul Hamid, 2021; Abdul Rahman Rakhis, 2020; Faridah Mohd, 2021; Hamid, 2021):

Pendapat pertama menyebutkan: Tidak harus beramal dengan pendapat *marjūh*, walaupun dari sudut syarak membenarkan perkara tersebut. Mereka berpendapat, mengambil pendapat *marjūh* dan meninggalkan yang sebaliknya seolah mendahului *ijma'*, kerana *ijma'* berpendapat tidak harus meninggalkan pendapat *rājiḥ* dan beramal dengan pendapat *marjūh*. Kajian daripada Faridah Mohd (2021) juga menyokong pendapat yang

sama walaupun dalam keadaan darurat. Ini merupakan pendapat daripada al-Maziri (635H) dan Syatibi (790H) daripada mazhab Maliki. Mereka berhujah bahawa keadaan darurat dan berhajat itu perkara yang dimaklumi dari sudut syariat, sudah pasti terdapat solusi dalam menangani perkara tersebut tanpa berpegang dengan pendapat *marjūh*. Kelonggaran beramal dengan pendapat ini juga akan membuka pintu syahwat dalam berhukum.

Adapun pendapat kedua agak berbeza dengan pendapat pertama. Mereka berpendapat: Harus bagi mereka yang faqih untuk beramal dengan pendapat *marjūh* untuk kegunaan dirinya sahaja tanpa menyebarkan kepada orang lain khususnya dalam amalan berfatwa dan penghakiman (Hamid, 2021). Kaedah Kaedah darurat yang mengharuskan perkara haram (*al-ḍarūrāt tubīhu al-mahẓūrāt*) menjadi hujah kepada praktis kaedah ini dijalankan kerana *al-Aṣlu* kaedah ini adalah haram, tetapi disebabkan kemudaratan, maka hukum berubah menjadi halal dan diharuskan baginya mengambil pendapat *marjūh*. Ini adalah pendapat yang disepakati oleh jumhur fuqaha. Namun kajian daripada Abdul Hamid (2021) memberi hujah yang lebih umum iaitu dalam keadaan darurat boleh beramal dengan pendapat *marjūh* tanpa mengkhususkan kepada mana-mana pihak.

Pendapat ketiga dan keempat pula membezakan kedudukan antara *muqallid* dan mujtahid. Pendapat ketiga mengharuskan kepada *muqallid* sahaja kerana mereka bergantung kepada pandangan Imam mazhab walaupun pentarjihan yang dibuat adalah pandangan lemah. Adapun pendapat keempat sebaliknya yang membataskan kepada mujtahid sahaja.

Pendapat kelima pula diharuskan untuk beramal dengan pendapat yang lemah dengan mengambil langkah *ihṭiyat* (hati-hati). Disebutkan di dalam kitab *Hāshiyah al-Bujayrimī*:

{ لا ينبغي لأحد العمل بالقول المرجوح إلا إن كان أحوط في الدين من قول الراجح }

Maksudnya: "Tidak harus beramal dengan pendapat *marjūh* melainkan berlaku mudarat kepada agama jika beramal dengan pendapat *rājih*" (Sulayman al-Bujayrimī, 1994)

Pendapat yang terakhir pula dan menjadi pendapat yang *rājih* di sisi ulama iaitu harus beramal dengan pendapat *marjūh* ketika muncul sebab-sebab *syar'i* dan mengikut prinsip yang digariskan ulama'. Hal ini kerana pendapat ini lebih menjaga pendirian maqasid dan mengambil sikap *wasatiyyah* berbanding pendapat lain.

### Syarat Beramal Dengan Pendapat *Marjūh*

Ahli fuqaha telah menyusun beberapa syarat untuk beramal dengan pendapat *marjūh* supaya kegunaannya digunakan untuk perkara yang memberi masalah kepada agama (Abdul Hamid, 2021). Hal ini kerana ilmu berkaitan dengan pendapat *marjūh* merupakan ilmu berkaitan agama dan perlu melihat kepada skop yang memberi manfaat kepada pembentukan agama. Antara syarat-syarat yang digariskan ulama untuk beramal dengan pendapat *marjūh* ialah (Abdul Hamid, 2021; Hafizah Rabi', 2015; Hamid, 2021; Islam Ahmad, 2016):

- i. Situasi tersebut merujuk kepada darurat dan keperluan, bukan semata-mata unsur penyempurnaan dan *taḥsīniyyah*.
- ii. Situasi semasa menunjukkan kepada perkara darurat.
- iii. Pendapat *marjūh* tidak bertentangan dengan dalil kitab dan sunnah.
- iv. Memberi hujah yang sahih sebelum beramal dengan pendapat *marjūh*.
- v. Pendapat *marjūh* bukan pendapat *shādh*.
- vi. Menjaga syariat, seperti memelihara maqasid syariah, menjaga *maṣlahah* dan memelihara agama.
- vii. Terdiri daripada ahli mujtahid yang membuat keputusan.
- viii. Beramal dengan pendapat *rājih* akan memberi *mafsadah* yang jelas.


Antara faktor yang menjadi keperluan untuk beramal dengan pendapat *marjūh* sangat berkait rapat dari sudut meringankan beban umat mengikut situasi. Hubungan fiqh dah rukhsah hakikatnya meluaskan lagi daya fikir umat ke arah mengimplementasikan maqasid syariah dengan cara yang lebih luas dan bernas. Konsep *tatabu' rukhas* iaitu mengambil pendapat paling ringan dalam permasalahan fiqh yang disebutkan Ibn Amir al-Hajj menjadikan pendapat *marjūh* sebagai pilihan untuk beramal dengannya. Menggunakan hujah rukhsah mengikut hawa nafsu adalah bertentangan dengan konsep sebenar *tatabu' rukhas* yang menjaga ketulenan *fiqh rukhsah* kajian (Hafizah Rabi' 2015).

Kenyataan di atas disokong lagi dengan karya-karya ulama *muta'akhirin* dan pandangan mufti. Para ulama Syafiiyyah selain menyebutkan pendapat muktamad mazhab dalam suatu permasalahan, seringkali juga menyebutkan pendapat selain muktamad. Tidak hanya dalam kitab *muṭowwalāt* (kitab besar); bahkan di kitab yang sederhana juga boleh dijumpai, seperti *Fath al-Qarīb*, *Kifāyat al-Akhyār*, *Fath al-Mu'īn* dan sebagainya. Kitab-kitab ini juga seringkali digunakan sebagai rujukan dan penghujahan. Kenyataan daripada mufti Nasyat al-Huri (2022) di laman Darul Ifta' juga menyatakan bahawa kesan daripada khilaf Syafiiyyah dalam kitab fiqh ibadat khususnya, adalah untuk memberi kemudahan dan mengangkat kesulitan. Beliau juga berpendapat bahawa pendapat muktamad dan masyhur itu menjadi satu keperluan, tetapi dari sudut lain diharuskan untuk bertaqlid pada pendapat yang lemah atas sebab tertentu. Kaedah fiqh menyebutkan '*al-masyaqqatu tajlibu taysīr*' (kesukaran membawa kepada keringanan).

Perubahan hukum yang berlaku sudah pastinya memberi kesan kepada pengamalan khususnya mereka yang bertaqlid mengikut mazhab Syafie. Turut diperbincangkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, sekiranya pendapat *marjūh* diamalkan, hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip yang disebutkan sebelum ini (Bahagian Pengurusan Fatwa - JAKIM, 2017).

### Berfatwa Dengan Pendapat *Marjūh*

Status berfatwa dengan pendapat *marjūh* khususnya di Malaysia sering menjadi perbincangan dalam kalangan sarjana. Namun mendahulukan pendapat muktamad merupakan pendapat yang perlu diberi perhatian seperti yang disebutkan sebelum ini. Berikut merupakan proses pengeluaran fatwa di Malaysia (Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM, 2017; Syahirah et al., 2018):



Jabatan Mufti Negeri Kedah juga sebagai contoh begitu komited mendahulukan pendapat muktamad mazhab Syafie sebelum berpindah kepada pandangan mazhab lain, namun sebelum berpindah kepada qawl muktamad mazhab lain, Negeri Kedah akan mendahulukan pendapat lemah mazhab Syafie (Syahirah et al., 2018). Bagi memastikan ketepatan fatwa merujuk kepada mazhab Syafie, kitab seperti *Majmū'*, *Mughnī*, *l'ānah Ṭālibīn* dan juga kitab-kitab jawi lama mazhab Syafie dijadikan sebagai panduan selaku kitab utama mazhab Syafie. Pendapat-pendapat *rājih*, *azhar* dan *masyhūr* di dalamnya akan dipetik kerana itu merupakan petanda kepada pendapat muktamad mazhab (Syahirah et al., 2018).

Kajian yang agak menarik untuk dikupas mengenai amalan berfatwa dengan pendapat *marjūh* yang dilakukan oleh Mahaiyadin et al. (2021) dengan mengaitkan konsep keringanan dalam berfatwa (*tarakhkhus fī al-fatwā*) kerana mempunyai kaitan dengan pendapat paling ringan dalam beberapa hukum khilafiyah di samping mengetengahkan pandangan *usuliyīn* dalam hal ini. Para pengkaji berpendapat Mahaiyadin et al. (2021), *tarakhkhus fī al-fatwā* dengan mengambil pandangan yang ringan atau mudah tidak menjadi suatu permasalahan dan pendapat tersebut *rājih* dalam

mazhab Syafie. Kajian ini juga memberi tegahan kepada mereka yang bersikap selektif dengan menggunakan pendekatan *tatabbu' al-rukhas* sebagai fatwa yang paling ringan untuk diamalkan.

Perkembangan zaman dan perubahan persekitaran hidup, menjadikan sebahagian permasalahan perlu menggunakan pendekatan *tarjihī*. Ini dibuktikan dengan kajian (Abd. Rahman, 2007). Anjakan fatwa yang berlaku di Malaysia daripada qawl muktamad mazhab Syafie kepada pandangan lemah mazhab Syafie membuktikan keanjalan hukum Islam. Perubahan ini boleh dilihat dari peruntukan enakmen negeri Selangor dan Kedah seperti berikut Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kedah (1962) seksyen 38 (1); Undang-Undang pentadbiran Agama Islam Selangor (1952) seksyen 42 (1):

*"Tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan jalan yang telah disyaratkan dahulu itu, maka hendaklah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa pada lazimnya mengikut qawl yang muktamad daripada mazhab Shafie. Dengan syaratnya jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut qawl muktamad itu akan berlawanan dengan masalah orang ramai maka bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa mengikut qawl yang daif daripada mazhab Syafie melainkan Duli Yang Maha Mulia bertitah yang berlainan dengannya. Dengan syaratnya jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut sama ada qawl yang muktamad atau qawl yang daif daripada mazhab Shafie itu akan berlawanan dengan muslihat orang ramai maka bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa dengan mendapat izin yang khusus dari DYMM mengikut mana-mana satu qawl daripada mazhab yang tiga lagi iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali mengikut bagaimana yang difikirkan sesuai akan tetapi di dalam mana-mana fatwa yang demikian maka syarat-syarat dan dasar-dasar yang akan diikuti hendaklah diterangkan dengan sejelas-jelasnya dan dengan semua huraian mustahak"*

Contoh seterusnya:

*" Pada ketika membuat atau mengeluarkan apa-apa fatwa seperti yang tersebut di atas tadi Majlis dan Jawatankuasa Ugama Islam hendaklah kelazimannya mengikut kul yang muktamad di dalam mazhab Syafie. Tetapi jika fikiran diikuti kul itu akan berlawanan dengan faedah umum, Majlis atau Jawatankuasa Ugama bolehlah, melainkan diperintahkan oleh DYMM yang lain, ikut kul-kul yang daif daripada mazhab Syafie; tetapi demikian juga jika sekiranya difikirkannya dengan kul yang muktamad atau kul daif daripada mazhab Syafie akan berlawanan dengan faedah umum, Majlis atau Jawatankuasa Ugama boleh dengan izin yang khas oleh DYMM Sultan ikut kul-kul salah satu daripada tiga mazhab yang lain yang mana-mana difikirkan munasabah, tetapi di dalam mana-mana fatwa yang dibuat dengan jalan ini hendaklah diterangkan dengan jelas peraturan-peraturan dan dasar-dasarnya yang hendak diikuti."*

Dari contoh peruntukan enakmen fatwa di atas, menunjukkan berlaku anjakan daripada qawl muktamad kepada pendapat lemah mazhab Syafie. Namun pendapat lemah hanya boleh digunakan jika terdapat keperluan melibatkan kemaslahatan umum dan perlu dibuktikan dengan hujah yang kukuh terhadap pemakaian pendapat lemah, kerana tanpa justifikasi yang kukuh, pemakaian pendapat lemah tidak dibenarkan. Dalam hal ini, jawatankuasa fatwa dilihat bebas memilih pendapat yang menjadi keutamaan untuk diketengahkan selepas melihat corak perubahan hidup masyarakat hari ini (Abd Rahman, 2007).

Melihat kepada peruntukan fatwa yang diputuskan, *Ijtihād Tarjihī* dilihat menjadi pendekatan yang agak popular kepada jawatankuasa fatwa negeri (Abd Rahman, 2007).

Menurut al-Qardāwī, ijtihad ini bererti memilih salah satu pendapat yang berada dalam perbendaharaan fiqh dan dikemukakan sebagai fatwa yang dipilih (al-Qardāwī, 1994). Oleh itu, mereka tidak dianggap penghukum baru, kerana dalam tingkatan mujtahid, wujudnya satu tingkatan yang disebut sebagai *mujtahid al-tarjih* yang merujuk kepada golongan ulama yang mempunyai kemampuan melakukan pentarjihan bersandarkan kekuatan dalil dan kesesuaian mengikut realiti semasa.

## KESIMPULAN

Keutamaan menjadikan pendapat *marjūh* sebagai keputusan muktamad harus diperkembangkan perbincangannya dari pelbagai sudut untuk meraikan khilaf mujtahid yang mempunyai justifikasi dalam penggunaan pendapat *marjūh*. Namun dalam masa yang sama, syarat yang digariskan oleh ulama harus diberi perhatian supaya tidak terikut oleh hawa nafsu dan memberi kebebasan dalam menggunakannya. Hal ini kerana mengelakkan perselisihan yang ketara antara masyarakat dan pihak berautoriti.

Pendekatan *ijtihad tarjihī* yang digunakan oleh mujtahid memperkembangkan lagi daya fikir fiqh yang lebih bermutu dan meluaskan konsep ilmu. Namun terdapat perkara yang perlu diberi perhatian khususnya pihak berautoriti dalam memantau pendapat *marjūh* ini diamalkan terutama masyarakat yang bertaqlid dengan keputusan yang dikeluarkan. Penerangan yang terperinci perlu diperluaskan melalui medium yang disediakan supaya kefahaman agama mengalir dengan hujah yang bermutu.

## RUJUKAN

### Buku

- 'Abd al-Hamid. 2021. *al-'Amal Bi al-Qawl al-Ḍa'if wa Atharuhu fī al-Aḥkām*. Hafizah Rabi'. 2015. *Al-'Udul 'An Qawl rājiḥ Ilā Qawl Marjūh*. Kuliah Ulum Islamiah.
- Muhammad Abi Bakar. 2012. *I'lam al-Muwaqqi'īn*. 1<sup>st</sup> Ed. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad. 2008. *Majmū' Fatāwā wa Rasā'il al-'Uthaimin*. Dār al-Waṭan.
- al-Qardāwī, Y. 1994. *al-Ijtihād al-Mu'āsir Bayna al-Indibāṭ wa al-Infirāt*. Dār al-ṭibā'ah wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- Sulayman al-Bujayrimī. 1994. *Hāshiyah al-Bujayrimī*. Dār al-Fikr.
- Tāj al-Dīn 'Abd al-Wahāb. 2014. *Hāshiyah al-Banānī alā Maḥallī*.
- Umar, I. J. A. 2015. *Muntahā al-Wuṣūl Wa al-'Amal Fī Ilm al-Uṣūl wa al-Jidāl*. Maṭba'ah al-Sa'ādah.

### Jurnal

- Abd Rahman, N. N. 2007. *Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih*. Jurnal Fiqh, 4(1), 85–102. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol4no1.4>
- Abdul Rahman Rakhis. 2020. *al-'Amal Bi al-Qawl al-Marjūh Hukmuhu wa ḍawābiṭuhu*. Majalah Dirāsah Islāmiyyah wa al-Buhutj Akādimiyyah, 161–172.
- Faridah Mohd. 2021. *Athar al-'Uruf wa al-Wāqi' Fī 'Amal Mujtahid Bi al-Qawl al-Marjūh*.
- Hamid, F. A. 2021. *Athar al-Maslahah Fī Ikhtiyār al-Mujtahid al-Qawl al-Marjūh wa Taraka al-rājiḥ Fī al-Fiqh al-Islāmī*. January.
- Islam Ahmad. 2016. *Ḍawābiṭ Tarjih al-Qawl al-Marjūh fī Fiqh Islāmī*. Majallah Kulliyah Lughah 'Arabiyyah Bi al-Manṣūrah, Jāmi'ah Al-Azhar, 50.
- Luqman H. Abdullah & Nima Jihatea. 2007. *Bermazhab & Fanatik Mazhab: Satu Sorotan Dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafie Masyarakat Melayu*. J. Fiqh, 4, 103–118.
- Mahaiyadin, M. H., Bhari, A., Dasuqkhi, M., & Sirajuddin, M. 2021. *Analisis Keputusan Fatwa Tempatan Sewaktu Pandemik Covid 19 Menurut Kerangka Tarakhus Fī al-Fatwa*. Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa, 26(2). [www.jfatwa.usim.edu.my](http://www.jfatwa.usim.edu.my)
- Syahirah, S., Idris, N. I., Ghani@Yunus, A. A., & Abdullah, R. R. R. 2018. *Metodologi Fatwa: Kajian di Negeri Kedah*. International Conference on Civilisation, Ethnicity and Islamic Heritage, February.

**Dokumen**

Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM. 2017. *Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Di Malaysia*. Diperaku oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-111 pada 9-10 November 2017 di Putra Sunway, Kuala Lumpur. November.

**Enakmen**

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kedah, No. 9 Tahun 1962, seksyen 38 (1)

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Selangor, No. 3, Tahun 1952, seksyen 42 (1).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*